

**CERAMAH KHAS  
SEMPENA SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM  
KALI KE 18, 2011M**

**Tajuk  
MENSYUKURI NI'MAT  
MENABUR JASA BAKTI DAN KHIDMAT**

**Oleh  
YANG BERTHORMAT  
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA  
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH  
DATO PADUKA HARI AWANG OTHMAN  
*Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri***

**Pada Hari Selasa,  
23 Safar 1433H bersamaan 17 Januari 2012**

**Jam 9.00 pagi**

**Tempat  
Dewan Persidangan Utama  
Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas  
Negara Brunei Darussalam**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الحمد لله رب العالمين وبه نستعين على أمور الدنيا والدين  
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين  
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

## Pendahuluan

Kita ini siapa, atau siapa kita ini?

Jawabnya mudah: kita ini warga perkhidmatan awam.

Mengapa?

Kerana kita ini menjawat jawatan-jawatan dalam kerajaan, bukan jawatan-jawatan dalam sektor swasta. Kita makan gaji atau dibayar gaji oleh kerajaan, bukan oleh syarikat-syarikat swasta.

Dalam kata lain: kita ini adalah pegawai dan kaki tangan kerajaan. Bertugas dalam sektor awam, bukan dalam sektor swasta.

Itulah jawapan dan penjelasannya.

Tetapi ternyata jawapan dan penjelasan sedemikian itu belum lengkap menyatakan hakikat yang sebenarnya tentang *siapa kita sebagai orang* atau *sebagai manusia*.

Jawapan itu tadi setakat menyatakan kita ini *sebagai orang* atau *sebagai manusia* yang berkerja, berkhidmat dengan dibayar gaji oleh kerajaan. Kita menjadi pegawai dan kaki tangannya.

Itu betul setakat pekerjaan atau perkhidmatan yang kita lakukan dengan mendapat gaji dari majikan.

Tetapi ia tidak tepat pada menyatakan bahawa kita ini sebagai manusia atau sebagai orang adalah *mahkluk Allah, hamba-Nya*.

Yakni: kita ini adalah makhluk Allah, hamba Allah.

Dalam kontek pekerjaan atau perkhidmatan, selaku *hamba Allah* maka kita adalah ditakdirkan Allah mendapat rezeki dengan berkerja dan berkhidmat kepada kerajaan.

Oleh itu kita hendaklah ingat bahawa kerja dan khidmat kita dalam perkhidmatan awam adalah juga khidmat dan kerja sebagai hamba Allah, makhluk Allah – yang mana kita disuruh oleh-Nya berkerja mencari rezeki. Dan ternyata rezeki yang kita perolehi adalah hasil kerja dengan kerajaan.

Maka, apa dan bagaimana?

### **Hamba Allah dan Amalnya**

Oleh kerana kita ini adalah hamba Allah, makhluk Allah maka kita patut melihat dan langsung menginsafi bahawa kerja dan khidmat kita kepada kerajaan adalah sesuai dengan suruhan Allah, iaitu supaya makhluk dan hamba-Nya berusaha mencari rezeki dengan melakukan sesuatu pekerjaan.

Sebagai makhluk dari spesies manusia kita ini ditakdirkan Allah menempati bumi malah bumi itu diciptakan untuk kita manusia. Di bumi inilah kita berkehidupan.

Telah pula ditentukan oleh Allah bahawa sebelum dimatikan kita disuruh berusaha, beramal dan berkerja. Nilai kerja, usaha dan amal kita itu akan diberikan imbalan yang setimpal menurut *grade* nya.

Kita rujuk firman Allah *subhanahu wa Ta'ala*, antaranya:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَأَمْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ ۗ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ



Tafsirnya:

“Dia lah yang menjadikan bumi bagi kamu: mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmatNya dan takutilah kemurkaanNya)”.

(Surah Al-Mulk: 15)

Jangan lupa bahawa mencari rezeki dengan cara berkerja atau memberikan perkhidmatan itu adalah menepati artikata *beramal* dalam istilah ugama. Seterusnya Allah *subhanahu wa Ta’ala* yang menciptakan *maut* dan *hayat*, hidup dan mati bertujuan menguji sejauh mana kita manusia, makhluk-Nya, mempergunakan kesempatan untuk *berusaha*, *berkerja*, *berkhidmat* iaitu *beramal*. Allah akan menilai mutu kerja, *amal* kita itu sehingga diketahui siapa di antara kita, makhluk-Nya ini yang *paling baik amalnya*.

Sebagaimana Firman Allah *subhanahu wa Ta’ala* dalam surah al-Mulk ayat 1 dan 2:

تَبْرَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾ الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيٰوةَ  
لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۗ وَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿٢﴾

Tafsirnya:

“Maha Berkat (serta Maha Tinggilah kelebihan) Tuhan yang menguasai pemerintahan (dunia dan akhirat); dan memanglah Ia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu;

Dia lah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) – untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Ia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat)”

(Surah Al-Mulk: 1-2)

Kesimpulannya: Kita disuruh berkerja. Kita disuruh memberikan khidmat kerja yang terbaik.

Kemudian dalam firman-Nya yang lain Allah *subhanahu wa Ta'ala* menyatakan betapa manusia itu dalam kejadiannya yang terdiri dari lelaki dan perempuan mempunyai aneka macam *usaha – kerja – amal* (jenis dan mutunya).

وَاللَّيْلِ إِذَا يَغْشَىٰ ﴿١﴾ وَالنَّهَارِ إِذَا تَجَلَّىٰ ﴿٢﴾ وَمَا خَلَقَ الذَّكَرَ وَالْأُنثَىٰ ﴿٣﴾ إِنَّ سَعْيَكُمْ لَشَتَّىٰ ﴿٤﴾



Tafsirnya:

“Demi malam apabila ia menyelubungi segala-galanya (dengan gelap-gelitanya), Dan siang apabila ia lahir terang-benderang; Demi Yang menciptakan (makhluk-makhlukNya) lelaki dan perempuan, (jantan dan betina); Sesungguhnya amal usaha kamu adalah berbagai-bagai keadaannya.”

(Surah Al-Lail:1-4)

Dalam konteks perkhidmatan awam, pernyataan Allah itu dapat kita hubungkan maksudnya yang umum dengan adanya beraneka jenis jawatan dan pekerjaan yang diadakan bagi membolehkan majikan iaitu kerajaan melaksanakan sesuatu perkhidmatan.

Oleh yang demikian khidmat pegawai dan kakitangan kerajaan menurut jawatan-jawatan tertentu adalah diiktiraf sebagai *usaha – kerja – amal* seseorang hamba Allah dalam mencari rezeki.

Dan ingat bahawa *usaha – kerja – amal* itu disuruh melakukan dengan sebaik-baik yang mungkin dan berusaha meningkatkan mutu prestasinya, sesuai dengan ajaran Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wasallam*:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ مِنَ الْعَامِلِ إِذَا عَمِلَ أَنْ يُحْسِنَ

Maksudnya :

“Sesungguhnya Allah *Subhanahu wa Ta'ala* suka orang yang bekerja apabila bekerja ia sentiasa memperbaiki mutu prestasinya.”

(Hadith riwayat al-Baihaqi)

Dengan cara itu melayakkannya mendapat ganjaran yang setimpal. Syaratnya ialah seperti dinyatakan oleh baginda Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* menerusi satu riwayat lain:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبَلُ مِنَ الْعَمَلِ إِلَّا مَا كَانَ لَهُ خَالِصًا وَابْتَعَى بِهِ وَجْهَهُ.

Maksudnya :

“*Sesungguhnya Allah tidak menerima sesuatu amalan itu melainkan ia dilakukan dengan ikhlas (jujur) semata-mata keranaNya sahaja*”.

(Hadith riwayat an-Nasa’i)

### **Lantikan ke Dalam Perkhidmatan Awam**

Kita tahu bahawa masuk berkhidmat ke dalam perkhidmatan awam adalah diatur menurut tata cara yang ditentukan oleh undang-undang.

*Perlembagaan Negara Brunei Darussalam* memperuntukkan mengenai lantikan seseorang ke dalam perkhidmatan awam, penubuhan sebuah suruhanjaya bagi perkhidmatan awam dengan nama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam / Public Service Commission (SPA / PSC). Diperuntukkan juga mengenai kuasa melantik, menukar, menaikkan pangkat, memecat atau menghukum tentang tata tertib.

*Perkara 70* menyebutkan bahawa kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam *Perlembagaan*, tiap-tiap orang yang memegang jawatan dalam perkhidmatan awam kerajaan hendaklah memegang jawatan selama tempoh selagi diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan.

Demikian juga kuasa melantik, menukar, menaikkan pangkat, memecat atau menjalankan kawalan tata tertib ke atas pegawai-pegawai kerajaan adalah terletak dalam tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan, sebagaimana diperuntukkan dalam [*Perkara 74 (1)*].

Dalam menjalankan kuasa baginda itu Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan dikehendaki oleh Pelembagaan berunding dengan dan bertindak mengikut nasihat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Maksud *pegawai kerajaan* dalam perkara ini adalah tidak termasuk anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei atau Perkhidmatan Penjara. – [Fasal (3)]

Begitulah menurut Perlembagaan. Yakni: lantikan ke dalam perkhidmatan awam, pertukaran, kenaikan pangkat, pemecatan dan kawalan tatatertib adalah dalam bidang kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan yang diperuntukkan oleh Perlembagaan. Kuasa baginda itu dijalankan menurut tata cara yang juga dipertentukan oleh Perlembagaan dan undang-undang.

Kuasa sedemikian itu adalah kuasa Raja sebagai ketua kerajaan dan ketua negara yang memegang kuasa tertinggi memerintah. Kebawah Duli Yang Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah Raja yang memegang kuasa tertinggi memerintah menurut peruntukan Perlembagaan. [Perkara 4 (1), (1A) dan (1B)]

Kuasa baginda itu selaras pula dengan ajaran ugama Islam dalam berpemerintahan.

### **Lantikan Menurut Ajaran Islam**

Ajaran Islam dalam ehwal berpemerintahan menetapkan bahawa *al-Imam, al-Khalifah* atau gelaran-gelaran lain bagi jawatan *ketua pemerintahan* adalah mempunyai tanggungjawab yang wajib dilaksanakannya atas nama jawatannya itu. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang di-Pertuan adalah Raja yang menjadi *ketua pemerintahan Negara Brunei Darssalam*. Maka wajib ke atas baginda, menurut ajaran Islam, melaksanakan sepuluh perkara:

1. Melindungi ugama,
2. Melaksanakan kuasa memerintah dengan adil,
3. Menjaga keamanan,
4. Melaksanakan undang-undang,
5. Menjaga keselamatan (keutuhan) wilayah,
6. Berjuang menentang musuh Islam sesudah disampaikan dakwah,
7. Mengatur urusan mendapat dan mengumpulkan hasil kerajaan,
8. Mengatur urusan perbelanjaan kerajaan,
- 9.

**Melantik orang-orang yang layak menjadi pegawai-pegawai, dan 10. Mencampuri** – dalam artikata memeriksa sendiri perjalanan urusan kerajaan dan pemerintahan negara.

Menurut ajaran Islam, ketua pemerintahan dibolehkan melantik pembantu-pembantunya bagi melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawabnya itu. Maka dalam aplikasinya beberapa lantikan jawatan telah dibuat bagi *membantu* ketua pemerintahan menurut bidang-bidang urusan kerajaan dan pemerintahan, iaitu dari jawatan *wazir (menteri)* membawa kepada jawatan pegawai.

Pada umumnya, lantikan-lantikan semua peringkat jawatan boleh – jika difikirkannya perlu – dibuat oleh ketua pemerintahan bagi membantunya melaksanakan tanggungjawab jawatannya itu, termasuk **melantik orang-orang yang layak menjadi pegawai-pegawai.**

Maka aplikasinya dalam pemerintahan sekarang di Brunei, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan yang mempunyai tanggungjawab-tanggungjawab jawatan baginda selaku ketua pemerintahan yang memegang kuasa tertinggi memerintah adalah dibolehkan membuat lantikan-lantikan. Perlembagaan memperuntukkan kuasa-kuasa yang membolehkan baginda berbuat sedemikian.

***Kesimpulannya:*** Lantikan yang dibuat dalam perkhidmatan awam adalah selaras dengan ajaran Islam bagi membantu raja dalam urusan-urusan yang ditentukan menurut lantikan jawatan.

Ajaran Islam menetapkan kewajiban-kewajiban raja, termasuk melantik orang-orang yang layak menjadi pegawai-pegawai. Maka warga perkhidmatan awam adalah orang-orang yang layak yang telah dilantik ke dalam jawatan-jawatan yang diadakan bagi melaksanakan urusan kerajaan dan pemerintahan.

Oleh itu adalah tepat sekali bagi warga perkhidmatan awam melihat khidmat, tugas, tanggungjawab, usaha dan amal kerjanya sebagai suatu amanah iaitu bagi membantu raja dalam urusan negara.

Dalam masa yang sama dia menginsafi dirinya lebih dari setakat pegawai dan kaki tangan awam. Dia juga adalah *hamba Allah* yang disuruh berusaha melakukan pekerjaan dan mendapatkan rezeki. Nyatanya dia sudah berkerja



dan mendapat rezekinya yang halal daripada hasil pekerjaannya. Dengan itu dia wajib melakukan kerja dengan sebaik yang mungkin.

Kearah itu warga perkhidmatan awam negara ini telah didedah dan diletakkan di atas landasan *Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam (1996)* dan *Wawasan Perkhidmatan Awam Abad ke-21 (2000)* - suatu set nilai-nilai murni dan matlamat perkhidmatan bagi menyuntik semangat berkhidmat dengan cemerlang.

### **Perkhidmatan Awam Brunei**

Dinyatakan bahawa “perkhidmatan awam negara ini adalah merupakan nadi utama dan jentera penggerak bukan sahaja program-program pembangunan negara bahkan juga segala dasar dan peraturan Kerajaan bagi mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat dan negara dan seterusnya bagi mewujudkan keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran yang berkekalan” – (*Sekapur Sirih* buku *Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam*). Seterusnya ditegaskan pula bahawa “untuk melaksanakan dengan jaya dan sempurnanya segala usaha membangun negara ini, kita memerlukan atau bergantung kepada kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan awam, di samping penglibatan sektor swasta”.

*Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam* dan *Wawasan Perkhidmatan Awam Abad ke-21* telah dibukukan masing-masing pada tahun-tahun 1996 dan 2000, iaitu menjelang abad baharu ke-21. Meskipun demikian perkhidmatan awam negara ini memang sentiasa berkembang. Dalam perkembangannya itu ia setentunya memakai nilai – nilai murni masyarakat. Maka kedua-dua *Rukun* dan *Wawasan* itu adalah rumusan nilai-nilai dan hala tuju perkhidmatan awam yang didokumentasikan.

Fakta penting yang mesti diketahui ialah Perkhidmatan Awam – *Civil Service* – Brunei sebagai suatu institusi kerajaan adalah diperkenalkan oleh British pada tahun 1906. Sebelum itu urusan kerajaan dikatakan telah dijalankan oleh *tradisional chief*. Dalam tempoh pentadbiran British itu (1906 – 1959) beberapa jabatan telah mula diperkenalkan seperti jabatan kerja raya, kastam, pelabuhan, pertanian, kesihatan, pelajaran dan kehutanan. Jabatan atau institusi pegawai daerah adalah berasal daripada pegawai *magistrate* di daerah-daerah.

Perubahan itu dicatatkan oleh sesetengah kalangan akademik sebagai “*A new bureaucratic set up was put in place of the arbitrary administration conducted by the tradisional chief, a proper Civil Service began to take shape*”. (B.A.Hussainmiya:Brunei: Revival of 1906, A Popular History).

Pentadbiran British telah juga memperkenalkan apa yang disebut *rules of law*. Dan hal itu sangat signifikan dalam sebuah negeri di mana “*the rulers and the men in power were a law unto themselves*”.

Fakta ini memberikan tanggapan bahawa perkhidmatan awam – *civil service* – Brunei adalah tiruan dari pentadbiran British. Dengan itu dipercayai ia dipengaruhi oleh sistem dan dasar pengurusan moden.

Pengurusan moden itu, menurut pakar pengurusan Amerika, Peter F. Drucker, “diasaskan kepada nilai-nilai Barat, dicipta untuk keperluan ekonomi industri Barat dan seratus peratus *committed* kepada falsafah, sistem nilai dan tradisi Barat”. (Mohd Affandi Hassan, Dewan Masyarakat; 1980).

Tetapi apa pun tanggapan negatif mengenai pengurusan moden namun pakar yang sama itu juga menegaskan bahawa “pengurusan yang berkesan ialah yang berasaskan adat resam, cara berfikir, sistem nilai, tradisi dan kebudayaan masyarakatnya sendiri”. Beliau menyebutkan kejayaan Jepun sebagai contoh, iaitu “terus mengekalkan falsafah dan sistem nilai masyarakatnya sewaktu meniru teknologi Barat dalam menghadapi perkembangan ekonomi dan industri yang pesat”.

Maka berdasarkan analisa sedemikian memang wajar kita memperkasakan perkhidmatan awam kita dengan sistem nilai dan falsafah masyarakat Brunei yang beragama dan beradat istiadat. Dan hasilnya ialah dengan merumuskan ciri-ciri dan hala tuju dengan mendokumentasikannya ke dalam *Rukun Akhlak dan Etika Perkhidmatan Awam (1996)* dan *Wawasan Perkhidmatan Awam Abad ke-21 (2000)*.

### **Kerajaan dan Warga Perkhidmatan Awam**

Pada tahun 2010 ada seramai 47,419 orang warga perkhidmatan awam, iaitu pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan kerajaan dalam semua bahagian (division). Seramai 36,548 orang daripadanya iaitu hampir 75%

adalah dalam perkhidmatan tetap. Selebihnya adalah perkhidmatan berkontrek, open vote dan bergaji hari.

Sementara itu anggaran jumlah keramaian penduduk pada tahun 2010 adalah seramai 414,400. Maka pegawai dan kakitangan kerajaan adalah kira-kira 11.4% daripada jumlah penduduk.

Secara umumnya, dikatakan bahawa urusan ehwal rakyat dan penduduk sesebuah negeri itu dijalankan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangannya. Oleh yang demikian maka dapat dikatakan secara purata dan secara umumnya bahawa di Brunei ini setiap seorang pegawai atau kakitangan kerajaan adalah mengurus sekitar 11 - 12 orang penduduk.

Dan oleh kerana pegawai dan kakitangan kerajaan serta anggota keluarganya itu juga adalah penduduk maka jumlah 11 – 12 orang yang diurus olehnya itu ialah termasuk diri mereka sendiri dan anggota keluarga masing-masing.

Brunei dikatakan mempunyai bilangan anggota perkhidmatan awam (tidak termasuk polis dan askar) yang ramai berbanding dengan bilangan penduduknya yang tidak ramai dan saiz keluasan wilayahnya yang tidak luas.

Kadar 11 – 12 orang yang diurus oleh setiap seorang warga perkhidmatan awam itu dikatakan kecil berbanding dengan negara-negara lain yang maju dan berkembang.

Bagaimanapun fakta ini tidak mutlak memberikan gambaran negatif tentang perkhidmatan awam kita.

Dalam aspek positifnya bilangan anggotanya yang ramai itulah yang menjadi sebahagian faktor penting yang menyumbang kepada kemantapan negara dan kerajaan.

Ada semacam *ikatan dan jalinan halus tetapi teguh dan kuat* antara kerajaan dengan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangannya.

Hal itu ialah kerana fungsi kerajaan dalam memerintah bukan terhad kepada *mengurus* dan *menyedia* serta *memberikan khidmat* bahkan adalah termasuk *memimpin, mengatur, dan mengawal (me-regulate)*.

Fungsi setakat menyediakan dan memberikan khidmat itu boleh sama diberikan oleh sektor swasta (private sector) dalam sesebuah negara. Kerana itulah kerajaan ada melaksanakan dasar penswastaan dan *out sourcing* sesetengah perkhidmatannya kepada sektor swasta bahkan menggalakkan sektor swasta untuk bergiat dalam memberikan layanan dan perkhidmatan kepada penduduk.

Tetapi kerajaan sama sekali tidak boleh – dan tidak layak – melepaskan tugas dan fungsinya memimpin dan mengawal (me-regulate) itu. Itu tugas dan fungsi mutlak negara terhadap rakyat dan penduduknya.

Dalam aspek itulah warga perkhidmatan awam (sektor awam) berperanan menjayakan fungsi kerajaan yang lebih luas skopnya itu.

Dan dari aspek itulah juga mereka mempunyai keterlibatan secara langsung dan jelas nyata atau *tangible commitment* dalam *memelihara* dan *mempertahankan* institusi kerajaan. Mereka memberikan perkhidmatan sebaik yang mungkin dengan semangat taat setia yang teguh kepada raja dan kerajaan baginda yang mereka adalah *sebahagian* daripadanya.

Perkara dan hal sedemikian itu sangat menyumbang kepada kestabilan kerajaan dan negara.

Ingat bahawa ajaran ugama Islam dan peruntukan Perlembagaan mewajib dan memberikan kuasa kepada raja yang memerintah untuk melantik pegawai-pegawai bagi membantunya dalam menjalankan tanggungjawab jawatannya sebagai ketua negara dan kerajaan.

Fakta ini patut diinsafi.

Dan keinsafan terhadapnya ialah bahawa lantikan-lantikan ke jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam (dan apa saja jawatan dan perkhidmatan oleh raja dalam membantunya menjalankan tugasnya) adalah sebahagian amanah daripada Allah *subhanahu wa Ta'ala*, Al-Khaliq yang menciptakannya wujud dan hidup di dunia untuk berusaha mencari rezeki; dan amanah daripada rajanya, iaitu *wali al-amri* dalam berkerajaan dan bernegara yang wajib ditaati dengan setia kepimpinannya.

Alangkah bahagianya mendapat amanah sedemikian itu.

Oleh kerana itu pegawai dan kakitangan kerajaan akan titih dan lutanan *menanai* serta *menunaikan* amanah perkhidmatan awam yang dia dilantik untuk sama menjayakan fungsi kerajaan, memelihara dan mempertahankan institusinya. Dalam melaksanakan khidmatnya itu Allah *subhanahu wa Ta'ala* menitipkan pesanan:

Sebagaimana Firman-Nya dalam surah an-Nisa ayat 58:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴾

Tafsirnya:

“*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan amanah-amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia (hendaklah) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah (dengan suruhanNya itu) memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat*”

(Surah An-Nisa: 58)

Begitu juga firman-Nya dalam surah al-Anfal ayat 27:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمَانَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴾

Tafsirnya:

“*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan RasulNya, dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah (yang diamanahkan kepada) kamu, sedang kamu mengetahui*”

(Surah Al-Anfal: 27)

Firman Allah *subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Mu'minin ayat 8:

﴿ وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمَانَاتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ﴾

Tafsirnya:

*“Dan orang-orang yang menjaga amanah-amanah dan janji mereka”*

(Surah Al-Mu'minun: 8)

Begitu juga Firman-Nya dalam surah al-Ma'arij ayat 32:

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْنَتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ﴿٣٢﴾

Tafsirnya:

*“Dan orang-orang yang menjaga amanah-amanah dan janji mereka”*

(Surah Al-Ma'arij: 32)

### **Hasil Kerajaan dan Gaji Kakitangan**

Sebagaimana lazimnya, setiap tahun kerajaan menyediakan sejumlah peruntukkan kewangan bagi gaji pegawai dan kakitangannya.

Pada tahun belanjawan 2010/2011 gaji kakitangan kerajaan dalam perkhidmatan awam adalah sejumlah \$1,803.50 juta.

Jumlah sebanyak itu adalah (%) dari jumlah keseluruhan belanjawan kerajaan sebanyak \$6,178.53, termasuk belanjawan pembangunan dan perbelanjaan-perbelanjaan yang lain dalam peruntukan belanjawan tahun yang sama.

Peruntukan belanjawan sebanyak itu didasarkan kepada pendapatan kerajaan sebanyak \$9,134.93 iaitu hasil dari cukai (tax revenue) sejumlah \$6,098.60 dan hasil dari bukan cukai (non-tax revenue) sejumlah \$3,036.33.

Diketahui bahawa sebahagian besar hasil atau pendapatan kerajaan (hasil negara) adalah daripada sumber minyak dan gas (migas). Dan hasil dari sumber migas itulah – khususnya minyak – yang sangat penting dan telah memacu kemajuan yang dicapai oleh Brunei dan menjana atau jadi pemangkin kesejahteraan hidup yang dini'mati oleh rakyat dan penduduknya.

Apa signifikannya ini?

Minyak itu didapati dalam wilayah Brunei sejak 1929 dan menjadi hasil utama yakni pendapatan kerajaan dalam tahun 1932. Ia didapati di Seria, dalam Daerah Belait.

Belait (dan Tutong) itu nyaris-nyaris menjadi sebahagian wilayah Sarawak. Kerana dalam tahun 1897-1898 pihak *Colonial Office* di London telah mencadangkan supaya Belait dan Tutong diserahkan kepada Sarawak sebagai tukaran kepada Limbang yang dirampas dan tidak mahu dikembalikan oleh Raja Sarawak iaitu James Brooke yang kemudian digantikan oleh anak saudaranya Charles Brooke. Tujuannya sangat *simple*, mudah yang membayangkan sikap British zaman itu memandang mudah kepentingan wilayah Brunei: "*in order for Brunei to keep its territories in one peace*".

Takdirilah cadangan sepihak itu menjadi kenyataan waktu itu dan Belait (juga Tutong) diserahkan kepada Sarawak semata-mata untuk mendapatkan semula Limbang, betul memang wilayah Brunei kekal *one peace* - iaitu dengan kembalinya Limbang ke wilayah Brunei tiadalah ada yang wilayah Sarawak yang menyelit antara Brunei – Muara dan Temburong.

Betul ilayah Brunei kekal *setanah*. Tetapi apa impaknya kemudian hari iaitu seperti sekarang ini?

Bayangkan betapa jika Belait (dan Tutong) masuk wilayah Sarawak, terdapat minyak dan gas di perut buminya, di darat dan di lautnya. Maka di mana dan sebesar apa sahaja wilayah Brunei yang tinggal menghasilkan minyak dan gas?

*Wallahu a'alam bis sawab!*

Tetapi setakat yang kita ketahui, nyata sekali Brunei dan rakyatnya sangat beruntung telah diselamatkan oleh Allah *subhanahu wa Ta'ala* dari kehilangan wilayahnya yang Allah sedia mengetahui akan kandungan isi perut buminya. Belait (dan juga Tutong) kekal dalam wilayah Brunei. Artinya kandungan isi perut buminya iaitu minyak dan gas dapat menjadi sumber hasil negara.

Dari sudut pandang ajaran agama hal itu namanya *takdir Allah*. Ya! Allah mentakdirkan Brunei dan rakyatnya mendapat rezeki berupa minyak dan gas. Allah menentukan kadar-kadar rezeki kita itu, sebagaimana keterangan dari firman-Nya:

اللَّهُ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَقْدِرُ لَهُ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٦٢﴾

Tafsirnya:

“Allah memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakiNya di antara hamba-hambaNya dan menyempitkan (rezeki itu) baginya; sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

(Surah Al-Ankabut: 62)

Lalu apa?

Kita bersyukur kepada Allah.

Tanda syukur kita itu ialah meni'mati rezeki Allah secara yang wajar. Mempergunakannya dengan sebaik-baiknya. Tidak mensesiakannya. Tidak membazirkannya. Malah dengan mengolah dan menambah nilainya. Itu syarat yang Allah berikan untuk ni'mat itu kekal dan berlipat ganda.

Firman Allah *subhanahu wa Ta'ala* dalam surah Ibrahim ayat 7:

وَإِذْ تَأَذَّبَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

Tafsirnya:

“Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya): Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala ni'matKu) tentu Aku akan menambah ni'mat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap ni'mat itu) maka sesungguhnya azabKu sangat keras.”

(Surah Ibrahim: 7)



## **Perkhidmatan Awam Dalam Wawasan Brunei 2035**

Dalam tahun 2005 Kerajaan telah menggariskan suatu wawasan masa depan negara. Ia adalah hasil rumusan pemikiran setelah mengambil kira pendapat pelbagai lapisan rakyat dan penduduk yang diminta membincangkannya. Maka ia dinamakan Wawasan Brunei 2035 dengan menyatakan:

Menjelang 2035, kita berhasrat menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali dunia dengan:

- i. Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya
- ii. Kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi; dan
- iii. Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Ke arah mencapai Wawasan ini, kita bersatu dalam:

- i. Kesetiaan kepada Sultan dan Negara
- ii. Keyakinan terhadap nilai-nilai Islam; dan
- iii. Keharmonian sosial dan amalan tradisi terbaik-baik.

Menuju ke tahun 2035 itu Kerajaan telah menyediakan Rancangan Kemajuan Jangka Panjang yang meliputi berbagai bidang pembangunan dan perkembangan. Ada lapan strategi telah ditetapkan, dan strategi keempat ialah Strategi Pembangunan Institusi yang akan meningkatkan kualiti pentadbiran dan kepimpinan (governance) di sektor awam dan swasta, perkhidmatan awam yang berkualiti tinggi, rangka perundangan dan peraturan yang moden dan pragmatik, dan prosedur kerajaan yang efisien dengan birokrasi yang minimum.

Ternyata strategi keempat itu sangat signifikan kepada perkhidmatan awam.

Sekarang ini kita sedang berada dalam tahun 2012. Ada sekitar dua puluh tiga tahun sahaja lagi Brunei akan melangkah masuk ke tahun Wawasannya 2035 itu.

Artinya kita telah lalui peringkat awal jangka waktu Wawasan itu, kira-kira lapan tahun. Tentu sahaja dalam tempoh itu Kerajaan telah mula melaksanakan program-program kemajuan jangka panjang yang

dirancangkan. Tentu sahaja perkhidmatan awam telah dan sedang terlibat dan akan terus terlibat.

Kita dapat menjangkakan bahawa sejurus sebelum atau tidak lama selepas tahun 2035 nanti Brunei sudah dilihat oleh dunia sebagaimana ia dihasratkan dalam Wawasannya itu. Pada masa itu Brunei diperkirakan akan merancang dan mula melaksanakan program-program pembangunan sama ada menyambung dan meningkat-kembangkan program-program yang telah sedia atau merangka dan melaksanakan program-program baharu.

Dan mungkin juga pada waktu itu akan ada pula Wawasan Brunei Melangkah ke Abad 22.

Cuba sahaja bayangkan, pada tahun 2035 itu, takdirnya ada umur panjang, orang seperti saya akan mencapai usia '90-an tahun dan sudah berusia lanjut, tidak lagi dapat diharapkan untuk berperanan menyumbang ke arah melanjut dan meningkatkan mutu kehidupan yang dicapai dalam Wawasan 2035 itu.

Saya selalu membayangkan dengan perasaan tenang dan rela bahawa jika umur panjang, pada tahun 2035 itu saya benar-benar sudah berusia lanjut. Syukur Alhamdulillah. Dan hidup dalam usia lanjut itu, lazimnya akan lebih banyak dilalui dengan berada di atas katil, di rumah kediaman atau di rumah sakit.

Dalam keadaan biasa pula saya dan orang-orang yang seusia saya pada dua puluh tahun akan datang itu akan membebankan keluarga dan kerajaan!

Namun demikian, kami mempunyai anak cucu, yang insya'allah, menjadi zuriat penerus. Merekalah yang akan masih berperanan dengan potensi masing-masing sebagai sebahagian rakyat Brunei yang dilihat oleh dunia sebagai *rakyat yang berpendidikan tinggi dan berjaya, berkehidupan yang berkualiti dalam suasana ekonomi negaranya yang dinamik dan berdaya tahan. Mereka bersatu padu, tetap setia kepada Sultan dan Negara, berkeyakinan kepada nilai-nilai Islam dan hidup aman tenteram, harmoni mendukung amalan tradisi berbaik-baik.*

Wajah-wajah yang ada dalam potret Brunei 2035 itu ialah diri awda dan diri anak dan cucu awda.

Sekarang awda sedang berada dan berkhidmat dalam perkhidmatan awam yang menjadi sebahagian daripada lapan strategi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Maka nikmatilah perkhidmatan awda dengan bersyukur kepada Allah kerana mentakdirkan awda selaku makhluk dan hamba-Nya, mendapat rezeki dengan cara menabur jasa bakti dan khidmat dalam perkhidmatan awam, di bumi Brunei, tanah air awda yang diberkati dan dirahmati Allah.

*Sekian. Wallahu a'alam.*

*Wabillahit taufiq walhidayah wassalamu 'alaikum warahmatullah.*

*- Badaruddin Othman*

Pejabat Menteri,  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri'  
Brunei Darussalam.  
16 Januari 2012M / 22 Safar 1433H.